

Presint pertama Sunway Iskandar bermula

Nusajaya: Sunway Integrated Properties Sdn Bhd (SUNWAY) pemaju projek pambandaran bersepadu terbesar di Wilayah Iskandar Johor, membangunkan presint pertama Sunway Iskandar dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RM2 bilion yang disangka siap sepenuhnya dalam tempoh lima tahun.

Nilai GDV untuk keseluruhan pembangunan Sunway Iskandar ialah RM30 bilion dengan keluasan tapak 728.4 hektar dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh 15 hingga 20 tahun akan datang merangkumi enam presint.

Pengarah Urusan Bersekutu Ba-

hagian Pembangunan Hartanah Malaysia dan Singapura Sunway Serena Cheah berkata, presint pertamanya, Presint Lake View adalah kawasan kediaman dan komersial bersepadu, Citrine seluas 44.92 hektar.

Beliau berkata, Citrine menawarkan 328 unit apartment servis, 167 pejabat suite dan 51 ruang pejabat yang mana ketika ini apartment servis mendapat maklum balas positif daripada pembeli tempatan dan asing terutama rakyat Singapura.

“Pada masa akan datang, kami akan membangunkan enam presint yang lain itu The Capital, The Parkview, The Riverside, The Seafront

dan The Market Place iaitu satu gabungan pembangunan pambandaran dan alam yang bersepadu.

“Lokasi Sunway Iskandar yang strategik terletak berhampiran laluan masuk ke Singapura melalui Jambatan Kedua serta kawasan hijau di Sungai Pendas memberi inspirasi kepada kami untuk membangunkan kawasan bandar hijau di Iskandar,” katanya pada taklimat media di sini, semalam.

Presint Lake View terletak di Medini Iskandar adalah projek kerjasama Khazanah Nasional Bhd dan Sunway Group Holding dengan 60 peratus faedah.